

D.R. 14/91

Naskah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN LAPANGAN TERBANG DAN
PENERBANGAN (SYARIKAT PENGENDALI) 1991

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PELETAKHAKAN HARTA, DLL, PADA
SYARIKAT PENGENDALI

3. Peruntukan-peruntukan peletakhakan.
4. Pemegangan Kerajaan yang mula-mula dalam syarikat pengendali.
5. Pelaburan Kerajaan dalam sekuriti-sekuriti syarikat pengendali.
6. Pelantikan wakil-wakil Kerajaan menganggotai lembaga syarikat pengendali.
7. Struktur kewangan syarikat pengendali.

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERHUBUNGAN
DENGAN KAKITANGAN

8. Kakitangan.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi peletakhakan harta, hak-hak dan liabiliti-liabiliti Kerajaan Malaysia yang berhubungan dengan penerbangan awam pada suatu syarikat, untuk membuat perkiraan-perkiraan kewangan bagi syarikat itu, untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

I. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perkhidmatan-Perkhidmatan Lapangan Terbang dan Penerbangan (Syarikat Pengendali) 1991. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendakd makna yang lain— Tafsiran.

"hak-hak" ertinya segala hak, kuasa, keistimewaan dan kekebalan, sama ada yang sebenarnya ada, yang kontingen atau yang akan ada;

"harta" termasuklah segala harta, yang alih alau yang tak alih, dan segala estet, kepentingan, isemen dan hak,

sama ada di sisi ekuiti atau undang-undang, dalam, ke atas atau daripada harta, hak dalam tindakan, wang dan nama baik; dan "terletakhak" berhubungan dengan harta termasuklah hak-hak ke atas harta yang akan ada pada masa hadapan atau yang kontingen dan hak-hak persembaian dan penerimaan baki;

"liabiliti-liabiliti" ertinya segala jenis liabiliti, hutang, caj, kewajipan dan obligasi (sama ada yang ada sekarang atau yang akan ada pada masa hadapan, yang sebenarnya ada atau yang kontingen, dan sama ada yang kena dibayar atau yang akan kena dipatuhi atau dilaksanakan di Malaysia atau di tempat lain);

"Menteri" ertinya Menteri yang sedang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi penerbangan awam;

Akta 375. "Perbadanan" ertinya Menteri Kewangan yang diperbadankan melalui Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957;

Akta 349. "Pesuruhjaya Tanah Persekutuan" ertinya Pesuruhjaya Tanah Persekutuan yang dilantik di bawah Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957;

Akta 3. "syarikat pengendali" ertinya syarikat yang dinamakan dan dilesenkan di bawah subseksyen 24A(1) Akta Penerbangan Awam 1969;

"tarikh peletakhakan" ertinya tarikh harta, hak-hak dan liabiliti-Uabiliti Kerajaan Malaysia berpindah kepada dan terletak pada syarikat pengendali sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri dari semasa ke semasa dalam perintah di bawah subseksyen 3(1).

BAHAGIAN II

PELETAKHAKAN HARTA, DLL, PADA SYARIKAT PENGENDALI

Peruntukan-
peruntukan
peletakhakan.

3. (1) Tertakluk kepada Akta ini, Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan tarikh peletakhakan dan pada tarikh itu segala harta, hak atau liabiliti Kerajaan Malaysia yang berhubungan dengan penerbangan awam yang dinyatakan oleh Menteri dalam perintah itu hendaklah, menurut kuasa

Akta ini, berpindah kepada dan terletak pada syarikat pengendali tanpa apa-apa jua pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan.

(2) Tiap-tiap harta yang terletak melalui subseksyen (1) pada syarikat pengendali hendaklah terletak sedemikian pada syarikat itu dengan hakmilik, estet atau kepentingan yang sama dan dengan pemegangan yang sama sebagaimana harta itu terletak atau dipegang sebelum sahaja tarikh peletakhakan.

(3) Tiap-tiap hak dalam tindakan yang terletak menurut kuasa subseksyen (1) pada syarikat pengendali boleh, selepas tarikh peletakhakan, dituntut melalui guaman, didapatkan kembali atau dikuatkuasakan oleh syarikat itu atas namanya sendiri dan syarikat itu atau Kerajaan Malaysia tidaklah perlu memberikan notis kepada orang yang terikat oleh hak dalam tindakan itu tentang peletakhakan yang dilaksanakan melalui subseksyen (1).

(4) Tiap-tiap hak dan liabiliti yang terletak melalui subseksyen (1) pada syarikat pengendali boleh, pada dan selepas tarikh peletakhakan, dituntut melalui guaman, didapatkan kembali atau dikuatkuasakan oleh atau terhadap syarikat itu atas namanya sendiri dan syarikat itu atau Kerajaan Malaysia tidaklah perlu memberikan notis kepada orang yang haknya atau liabilitinya tersentuh oleh peletakhakan di bawah subseksyen (1).

(5) Apa-apa prosiding undang-undang yang belum selesai oleh atau terhadap Kerajaan Malaysia yang berhubungan dengan mana-mana harta, hak atau liabiliti yang berpindah kepada atau terletak pada syarikat pengendali menurut kuasa subseksyen (1) boleh pada dan selepas tarikh peletakhakan diteruskan oleh atau terhadap syarikat pengendali.

(6) Dalam hal hak-hak dan liabiliti-liabiliti yang berbangkit daripada apa-apa pinjaman yang terletak pada syarikat pengendali pada tarikh peletakhakan, syarikat itu boleh membuat apa-apa perkiraan atau perjanjian mengenai hak-hak dan liabiliti-liabiliti itu dengan Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak ketiga.

Akta 56/65

(7) Jika melalui kuatkuasa subseksyen (1), apa-apa harta berpindah kepada dan terletak pada syarikat pengendali, peruntukan-peruntukan Bahagian Tiga Puluh Kanun Tanah Negara hendaklah, bagi maksud menguatkuasakan pendaftaran peletakhakan itu, terpakai bagi syarikat pengendali seolah-olah ia suatu pihak berkuasa awam.

(8) Pada dan selepas tarikh peletakhakan, apa-apa perjanjian yang berhubungan dengan mana-mana harta, hak dan liabiliti yang berpindah kepada dan terletak pada syarikat pengendali di bawah subseksyen (1) yang kepadanya Kerajaan Malaysia menjadi pihak sebelum sahaja tarikh peletakhakan, sama ada secara bertulis atau tidak, dan sama ada atau tidak sedemikian sifatnya sehingga hak-hak dan liabiliti-liabiliti di bawahnya boleh diserahkan oleh Kerajaan Malaysia, hendaklah rhempunyai kuatkuasa seolah-olah syarikat itu telah menjadi pihak kepada perjanjian itu.

Pemegangan Kerajaan yang mula-mula dalam syarikat pengendali.

4. (1) Sebagai akibat peletakhakan harta, hak-hak dan liabiliti-liabiliti di bawah seksyen 3 pada syarikat pengendali, syarikat itu hendaklah menerbitkan apa-apa sekuriti syarikat itu kepada Perbadanan sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri Kewangan, selepas berunding dengan Menteri, dari semasa ke semasa.

(2) Sekuriti-sekuriti yang dikehendaki supaya diterbitkan menurut seksyen ini hendaklah diterbitkan atau diumpukkan pada masa-masa dan atas terma-terma, tentang pengumpulan, sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri Kewangan, setelah berunding dengan Menteri.

(3) Syer-syer yang diterbitkan menurut seksyen ini—

(a) hendaklah mempunyai nilai nominal sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri Kewangan; dan

(b) hendaklah diterbitkan sebagai berbayar penuh dan dikira bagi maksud-maksud Akta Syarikat 1965 seolah-olah ia telah dibayar oleh sebab pembayaran nilai nominalnya kepada syarikat pengendali.

Akta 125

(4) Menteri Kewangan boleh, selepas berunding dengan Menteri, melupuskan apa-apa sekuriti yang diterbitkan atau apa-apa hak ke atas sekuriti yang pada mulanya diumpukkan kepada Perbadanan menurut seksyen ini.

(5) Apa-apa dividen atau jumlah wang lain yang diterima oleh Perbadanan sebagai hak daripada, dengan pelupusan atau selainnya berkaitan dengan sekuriti atau hak yang diperolehi menurut kuasa seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

5. (1) Menteri Kewangan boleh, selepas berunding dengan Menteri, pada bila-bila masa, memperoleh—

- (a) sekuriti-sekuriti syarikat pengendali atau mana-mana subsidiari syarikat pengendali; atau
- (b) hak-hak untuk melanggan mana-mana sekuriti sedemikian.

Pelaburan
Kerajaan
dalam
sekuriti-
sekuriti
syarikat
pengendali.

(2) Menteri Kewangan boleh, selepas berunding dengan Menteri, melupuskan mana-mana sekuriti atau hak yang diperolehi di bawah seksyen ini.

(3) Apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh Perbadanan akibat peruntukan-peruntukan seksyen ini hendaklah dikira sebagai pelaburan dan telah dibenarkan di bawah subperenggan 8 (3) (a) (iv) Akta Prosedur Kewangan 1957.

Akta 61

(4) Apa-apa dividen atau jumlah wang lain yang diterima oleh Perbadanan sebagai hak daripada, dengan pelupusan atau selainnya berkaitan dengan apa-apa sekuriti atau hak yang diperolehi di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

(5) Duti setem tidak boleh dikenakan—

- (a) berkenaan dengan apa-apa pertambahan dalam modal syer dibenarkan syarikat pengendali yang—
 - (i) dilaksanakan pada masa syarikat pengendali dipunyai sepenuhnya oleh Kerajaan; dan

(ii) diperakui oleh Perbendaharaan sebagai telah dilaksanakan melalui pengeluaran syer yang dilangani oleh Perbadanan di bawah perenggan (1) (a);

(b) atas apa-apa suratcara yang diperakui oleh Perbendaharaan sebagai telah dibuat atau dilaksanakan menurut seksyen 4.

Pelantikan wakil-wakil Kerajaan menganggotai lembaga syarikat pengendali.

6. (1) Menteri Kewangan boleh, dari semasa ke semasa, selepas berunding dengan Menteri, selagi Kerajaan Malaysia memegang tidak kurang daripada lima peratus daripada kesemua sekuriti diterbitkan dalam syarikat pengendali, menamakan sekian bilangan orang yang sesuai untuk menjadi pengarah dalam lembaga syarikat itu.

(2) Syarikat pengendali hendaklah menyebabkan tiap-tiap orang yang dinamakan oleh Menteri Kewangan di bawah subseksyen (1) dilantik menganggotai lembaga syarikat itu.

(3) Mana-mana orang yang dilantik menganggotai lembaga syarikat pengendali di bawah subseksyen (2) boleh, pada bila-bila masa, diberhentikan oleh Menteri Kewangan, selepas berunding dengan Menteri, dengan memberikan notis bertulis kepada orang itu dan syarikat itu.

(4) Bagi maksud menentukan bilangan orang yang akan dilantik sebagai pengarah syarikat pengendali di bawah subseksyen (1), Menteri Kewangan hendaklah mengambil kira jumlah bilangan sekuriti yang dipegang oleh Kerajaan Malaysia dan jumlah bilangan pengarah yang dilantik atau dicadangkan hendak dilantik oleh syarikat itu untuk menganggotai lembaganya, pada masa penamaan itu.

(5) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai menyentuh apa-apa kuasa, hak atau keistimewaan yang diberikan kepada Kerajaan Malaysia oleh dokumen konstituen syarikat pengendali itu.

Struktur kewangan syarikat pengendali.

7. (1) Jika Menteri Kewangan, selepas berunding dengan Menteri, mengarahkan sedemikian pada bila-bila masa

sebelum syarikat pengendali tidak lagi dipunyai sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia, apa-apa jumlah wang, yang tidak melebihi untung terhasil terkumpul syarikat itu, yang dinyatakan dalam arahan itu hendaklah dipindahkan oleh syarikat itu ke dalam suatu rizab, yang dalam seksyen ini disebut "rizab statutori".

(2) Rizab statutori hanya boleh digunakan oleh syarikat pengendali untuk membayar syer-syer belum terbit syarikat itu yang akan diumpukkan kepada anggota-anggota syarikat itu sebagai syer-syer bonus berbayar penuh.

(3) Bagi maksud-maksud mana-mana akaun statutori syarikat pengendali itu, nilai mana-mana aset atau hak atau amaun mana-mana liabiliti Kerajaan Malaysia yang dikira telah terletak pada syarikat itu menurut kuasa seksyen 3 dalam mana-mana tahun tertentu hendaklah dikira sebagai nilai atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, amaun yang ditentukan untuk aset, hak atau liabiliti itu oleh Kerajaan Malaysia sebelum tarikh peletakhakan.

(4) Sebutan-sebutan dalam seksyen ini tentang akaun statutori syarikat pengendali ialah sebutan-sebutan tentang apa-apa akaun yang disediakan oleh syarikat pengendali bagi maksud-maksud mana-mana peruntukan Akta Syarikat 1965.

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERHUBUNGAN DENGAN KAKITANGAN

8. (1) Syarikat pengendali hendaklah menerima sebagai Kakitangan. pekerjajanya pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* tiap-tiap orang yang sebelum sahaja tarikh itu ialah anggota kakitangan Jabatan Penerbangan Awam, Malaysia dan yang telah diberi pilihan oleh Kerajaan Malaysia dan telah memilih untuk berkhidmat sebagai pekerja syarikat itu.

(2) Kerajaan dan syarikat pengendali boleh dari semasa ke semasa selepas tarikh yang ditetapkan membuat apa-apa perkiraan atau perjanjian supaya mana-mana anggota

lain kakitangan Jabatan Penerbangan Awam, Malaysia diberi pilihan untuk berkhidmat sebagai pekerja syarikat pengendali.

(3) Tiap-tiap orang yang memilih, di bawah subseksyen (1) dan (2), untuk berkhidmat sebagai pekerja syarikat pengendali hendaklah diambil kerja oleh syarikat itu atas terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang kepadanya dia berhak sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan mengadakan peruntukan bagi peletakhakan, dari semasa ke semasa, harta, hak-hak dan liabiliti-liabiliti Kerajaan Malaysia berhubung dengan penerbangan awam pada syarikat pengendali, untuk membuat perkiraan-perkiraan kewangan bagi syarikat itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubung dengan kakitangan.

2. *Fasal 1* membuat peruntukan bagi tajuk ringkas dan tarikh mula berkuatkuasa sementara *fasal 2* adalah berhubung dengan tafsiran.

3. *Fasal 3* memperuntukkan bahawa Menteri boleh, dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan tarikh peletakhakan dan pada tarikh itu segala harta, hak atau liabiliti Kerajaan Malaysia yang berhubung dengan penerbangan awam yang dinyatakan dalam perintah itu hendaklah berpindah kepada dan terletak pada syarikat pengendali tanpa apa-apa jua pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan.

4. *Fasal 4* membuat peruntukan supaya sekuriti-sekuriti syarikat pengendali diterbitkan atau diumpukkan kepada Menteri Kewangan yang diperbadankan oleh Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957 atas terma-terma dan syarat-syarat tentang pengumpulan sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri Kewangan, selepas berunding dengan Menteri, dan bagi apa-apa pelupusan sekuriti-sekuriti itu oleh Menteri Kewangan selepas berunding dengan Menteri.

5. *Fasal 5* memberi Menteri Kewangan kuasa, selepas berunding dengan Menteri, untuk memperoleh sekuriti-sekuriti syarikat pengendali atau subsidiarinya atau hak-hak untuk melanggan sekuriti-sekuriti sedemikian atau untuk melupuskannya.

6. *Fasal 6* memberi Menteri Kewangan kuasa, selepas berunding dengan Menteri, selagi Kerajaan memegang tidak kurang daripada

PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN LAPANGAN TERBANG 11
DAN PENERBANGAN (SYARIKAT PENGENDALI)

lima peratus daripada kesemua sekuriti yang diterbitkan dalam syarikat pengendali, untuk melantik wakil-wakil Kerajaan menganggotai lembaga syarikat pengendali itu.

7. *Fasal 7* membuat peruntukan bagi struktur kewangan syarikat itu.

8. *Fasal 8* membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan. Tiap-tiap orang yang diberi pilihan oleh Kerajaan Malaysia dan yang memilih untuk berkhidmat sebagai pekerja syarikat pengendali hendaklah diambil kerja oleh syarikat itu atas terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma-terma dan syarat-syarat yang dia berhak kepadanya sebelum perpindahannya kepada syarikat itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1584.]